

## HARI KELUARGA PROGRAM BIOTEKNOLOGI SESI 2015/2016

Artikel oleh: Ainol Azifa Bt Mohd Faik

Hari Keluarga Program Bioteknologi Sesi 2015/2016 telah dilaksanakan dengan jayanya bersebelahan tasik SST UMS pada 11 Oktober 2015 (Sabtu). Program ini dianjurkan untuk meraikan ahli keluarga baharu program Bioteknologi yang terdiri daripada para pelajar tahun pertama yang telah melapor diri pada September 2015 berserta pelajar-pelajar senior. Acara seumpama ini turut memberi peluang kepada pelajar tahun pertama untuk berkenalan dengan lebih rapat dengan para pensyarah dan pelajar-pelajar senior. Acara dimulakan dengan aktiviti *ice breaking* iaitu mereka cipta bendera dan sorakan bagi setiap kumpulan diikuti dengan acara sukaneka seperti *candy crush*, *snow white*, *poison antidote* serta *oscar reward*. Hari Keluarga Bioteknologi diakhiri dengan majlis penyampaian hadiah pada jam 12.30 tengahari. Diharap aktiviti seumpama ini akan dapat diteruskan pada masa akan datang bukan sahaja sebagai aktiviti riadah malahan sebagai medan yang mampu memupuk budaya kerjasama dikalangan pelajar program Bioteknologi.



